

17/09/2003

Yayasan Ekonomi Dunia Islam dilulus

PERSIDANGAN Antarabangsa Pemimpin Muda Islam (ICMYL) semalam meluluskan resolusi untuk menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Yayasan Ekonomi Dunia Islam, berpusat di Kuala Lumpur.

Timbalan Pengerusi Yayasan Penggerak Wawasan, Datuk Mohammad Fatmi Salleh, yang membentangkan resolusi itu berkata, penubuhan yayasan itu mempunyai lima objektif utama termasuk menjadikannya sebagai pusat yang akan memberi khidmat nasihat kepada negara serta pertubuhan Islam di dunia.

"Yayasan ini akan bertindak sebagai badan bukan kerajaan (NGO) kerana jika ditubuhkan di bawah kerajaan, ia akan terikat dengan peraturan dan kerenah birokrasi.

"Platform NGO dilihat lebih sesuai bagi mencapai objektif penubuhan yayasan itu," katanya pada hari terakhir ICMYL di sini, semalam.

Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti perancangan ekonomi di kalangan negara Islam yang akan memberi manfaat bersama.

Katanya selain itu, ia juga bertindak sebagai tabung atau saluran kewangan bagi membantu membiayai pendidikan pelajar Islam seluruh dunia yang menuntut di negara ini.

Mohammad Fatmi berkata, yayasan itu akan menjadi pusat yang menyalurkan maklumat berkaitan ekonomi, perniagaan dan peluang perdagangan dari seluruh dunia Islam serta membentuk usahawan Islam menjadi sebahagian daripada rangkaian perniagaan dunia Islam dan global.

Beliau berkata, penubuhan yayasan itu juga akan menekankan semangat patriotisme Islam dan kesepaduan untuk mengekalkan persaudaraan Islam terutama di kalangan umat dan pemimpin muda dunia Islam.

ICMYL turut meluluskan tiga resolusi lain iaitu mengenal pasti kesepaduan umat terutama di negara Islam yang umatnya tidak bersatu; penerapan nilai ilmu terutama dalam bidang matematik, sains dan teknologi yang kurang diberi perhatian oleh kebanyakan negara Islam; dan mengambil kira keupayaan untuk mengeksploitasi sumber ekonomi dalam perniagaan global yang terhad selama ini.

Sementara itu, Pengerusi ICYML, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, berkata cadangan penubuhan yayasan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membolehkannya dilaksanakan secepat mungkin.

"Kita akan melantik sebuah firma guaman untuk merangka perlembagaan yayasan berkenaan dan ia akan ditadbir oleh sekumpulan profesional Islam dari dalam dan luar negara.

"Buat masa ini, pengurusan yayasan itu adalah di bawah Yayasan Penggerak Wawasan sementara menunggu lembaga pengarah yang akan dilantik," katanya ketika ditemui media selepas pembentangan resolusi ICMYL.

Mengenai peruntukan yayasan berkenaan, Abdul Rahim berkata, ia bergantung kepada kelulusan yang akan diputuskan kerajaan dalam jangka waktu yang terdekat ini.